



DAKWAH STRATEGIK KEPADA PEMERINTAH: ANALISIS SWOT TERHADAP DAKWAH NABI MUSA DALAM AL-QURAN

[STRATEGIC DA'WAH TO THE GOVERNMENT: A SWOT ANALYSIS
OF THE DA'WAH OF THE PROPHET MUSA IN QORAN]

MOHAMAD PISAL A.BAKAR¹ & MUKHAMAD HADI MUSOLIN SUBAGIO^{1*}

¹ Kulliyyah Usuluddin dan Sains al-Quran, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah, MALAYSIA

Corresponding Author: pak_anjang64@yahoo.com

Received: 19 July 2021

Accepted: 20 August 2021

Published: 10 November 2021

Abstrak: Kajian ini membincangkan dakwah strategik kepada pemerintah: analisis SWOT dakwah Nabi Musa as. di dalam al-Quran. Signifikan kajian ini adalah kerana dakwah kepada pemerintah sering dilihat daripada aspek mengajak dan menyampaikan ilmu sahaja tanpa mengambil kira faktor-faktor yang menjayakan atau menggagalkan dakwah secara mendalam berdasarkan panduan al-Quran. Berbagai-bagi cara dakwah dilakukan umat Islam bagi mengatasi penyalahgunaan kuasa dan penindasan pemerintah kepada rakyatnya. Ayat-ayat al-Quran berkaitan dakwah Nabi Musa as. telah dikenal pasti. Dakwah strategik nabi Musa as. disaring dan dikategorikan merangkumi aspek-aspek SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman). Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan maksud dakwah strategik dari al-Quran. Mengenal pasti ayat-ayat al-Quran dan menganalisis dakwah Nabi Musa as. kepada pemerintah menggunakan analisis SWOT. Kajian ini menggunakan metodologi perpustakaan dan penganalisisan data kualitatif secara induktif iaitu pengumpulan penemuan-penemuan kecil yang akhirnya menghasilkan satu gagasan. Skop yang diberi perhatian ialah dakwah kepada pemerintah, tumpuan kepada kaedah dakwah Nabi Musa as. menggunakan analisis SWOT. Dapatan kajian ini menunjukkan, Nabi Musa telah dipersiapkan dengan beberapa ujian agar memiliki kekuatan diri, menggunakan peluang bagi mengatasi masalah dalaman dan segala ancaman musuh ketika menghasilkan gagasan dakwah kepada pemerintah. Nabi Musa as. memiliki enam belas kekuatan (16S), dua peluang (2O), tiga kelemahan (3W) dan lima ancaman (5T). Dari semua maklumat ini, nabi Musa as. telah membuat perancangan dakwah yang tepat kepada pemerintah pada zaman baginda. Hasil kajian ini diharapkan agar dapat membantu para pendakwah, masyarakat dan alim ulama merancang rapi dari aspek dalaman diri dan luaran yang ada pada anasir dakwah (pemerintah) serta persekitaran, agar dakwah mencapai matlamat yang digariskan. Dengan kajian ini juga membolehkan para petugas dakwah melaksanakan dakwah kepada pemerintah dengan lebih berkesan dan menghasilkan natijah dakwah yang segar serta mudah diterima mereka.

Kata kunci: Dakwah Strategik, Pemerintah, Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman

Abstract: This study discusses strategic preachings to the government: a swot analysis of the preachings of Prophet Moses as. in the Quran. The significance of this study is preachings to the government are often seen from the aspect of inviting and imparting knowledge only without taking into account the factors that succeed or fail the preachings in depth based on the guidance of the Quran. Various ways of preachings are done by Muslims to overcome the abuse of power and oppression of the government to

its people. The verses of the Qur'an related to the mission of Prophet Moses as. have been identified. The strategic preachings of Prophet Moses as. are screened and categorized covering aspects of SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats). The objectives of this study are to explain the meaning of strategic preachings from the Quran, identify the verses of the Qur'an and analyze the mission of Prophet Moses as. to the government using SWOT analysis. This study uses library methodology and inductive qualitative data analysis that are the collections of small findings that eventually produce ideas. The scope of attention is preachings to the government, focusing on the method of preachings of Prophet Moses as. using SWOT analysis. The findings of this study show that Prophet Moses as. was prepared with several tests to have self -strength, used the opportunities to overcome internal problems and all the threats of the enemy when producing the idea of preachings to the government. Prophet Moses as. had sixteen strengths (16S), two Opportunities (2O), three weaknesses (3W) and five threats (5T). From all this information, Prophet Moses as. had made accurate preaching plans to the ruler of his time. The results of this study are expected to help the preachers, society and religious scholars to plan carefully from the internal and external aspects of the elements of preachings, government and the environment, so that preachers achieve the goals outlined. With this study, it also allows the people involve in preachings to carry out preachings to the government more effectively and produce fresh preachings results that are easily accepted by them.

Keywords: Strategic Preachings, Government, Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats

Cite This Article:

Mohamad Pisal A.Bakar & Mukhamad Hadi Musolin Subagio. 2021. Dakwah strategik kepada pemerintah: Analisis SWOT terhadap dakwah Nabi Musa dalam al-Quran [Strategic Preachings to the government: A SWOT analysis of the Preachings of the Prophet Moses AS in Quran] . *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 55-66.

PENGENALAN

Dari segi etimologi, dakwah berasal dari perkataan Arab دعوة – يدعوا – دعا Dakwah adalah *ism masdar* dari perkataan دعا bermaksud ajakan dan seruan. Manakala dari segi istilah, dakwah ialah menyeru, mengajak, memanggil kepada Islam secara berterusan oleh para pendakwah. Manakala perkataan strategik merupakan perkataan yang berasal dari perkataan Inggeris iaitu “*strategics*” bermaksud ilmu helah atau tipu muslihat dalam perperangan (*Kamus Dwibahasa, Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia* 1999). Di dalam *Oxford Paperback Dictionary & Thesaurus* (2009), “*strategic*” ialah “*forming part of a long-term plan to achieve something*”. Perkataan “*strategic*” juga hampir sama dengan perkataan “*planned, calculated, deliberate, tactital, judicious, prudent dan shrewd*”. Manakala menurut *Business Dictionary.com* (2020), “*strategic*” ialah keputusan atau perancangan yang disusun bagi memberi kesan yang positif kepada sesuatu organisasi atau suatu aktiviti” Perkataan strategik banyak digunakan dalam aspek pengurusan iaitu pengurusan strategik dan pendekatan strategik. Ia melibatkan pengurusan manusia dengan tujuan mencapai objektif dan meningkatkan keberkesanan sesebuah organisasi (Maziah 2002).

Antara perkara asas dalam perancangan strategik ialah dengan menggunakan analisis SWOT (*Strength* [kekuatan], *Weaknesses* [kelemahan], *Oppurtunity* [Peluang] dan *Treat* [Ancaman]). Teknik ini mula di pelopori oleh Albert Humphrey sekitar tahun 1960an semasa diberi kepercayaan membuat perancangan Stanford Research Institute 1960-1970. Beliau

bersama pasukannya yang terdiri dari Marion Dosher, Dr Otis Benepe, Robert Stewart, dan Birger Lie juga diberi kepercayaan mencari punca kegagalan sesuatu anak syarikat yang dibiayai oleh Fortune 500 (<https://sumber-kearifan.blogspot.com>). Sejak itu analisis ini menjadi teknik yang diterima dan diguna secara meluas untuk meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Dakwah strategik kepada pemerintah ialah dakwah yang berfokus kepada pemerintah dengan mengambil kira perkara-perkara penting agar mencapai tujuan dakwah. Antara perkara penting yang perlu diambil kira ialah kekuatan dan kelemahan pendakwah, waktu, suasana, peluang dan ancaman dari pemerintah yang mungkin dihadapi. Dengan mengambil kira semua faktor ini, dakwah strategik kepada pemerintah akan mencapai objektifnya seperti mana dakwah yang telah dijalankan oleh Nabi Musa as.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Tiga objektif yang diharapkan dalam kajian dakwah strategik nabi Musa as. kepada pemerintah menurut al-Quran ialah menjelaskan konsep dakwah strategik menurut al-Quran, Mengenal pasti ayat-ayat al-Quran berkaitan dakwah Musa as. kepada pemerintah dan menganalisis pembinaan strategi dakwah yang digunakan oleh Nabi Musa as. kepada pemerintah.

Manakala persoalan kajian pula adalah apakah konsep dakwah strategik menurut al-Quran? Apakah ayat-ayat al-Quran berkaitan dakwah Musa as.? dan Apakah strategi dakwah yang digunakan oleh Nabi Musa as. kepada pemerintah?

Tujuan dakwah Musa as., mengajak Bani Israel, Firaun dan kaumnya mentauhidkan Allah SWT, membela segala penindasan yang dilakukan terhadap bani Israel dan membawa pengikut Musa as. keluar dari bumi Mesir setelah Firaun menolak dari beriman dan menghentikan penindasan.

ASAS DAKWAH STRATEGIK NABI MUSA AS. KEPADA FIRAUN

Menurut Zainuddin (2005), terdapat 6 fasa dalam merangka perancangan dan pengurusan strategik. Fasa-fasa ini dijadikan asas dalam mengkaji dakwah strategik yang telah dilaksanakan nabi Musa as. kepada Firaun. Fasa-fasa tersebut ialah:

Fasa 1: Pembentukan Matlamat, Misi dan Objektif Organisasi

Fasa 2: Mengadakan Analisis Persekutaran-Luaran dan Dalaman (SWOT)

Fasa 3: Formulasi Strategi

Fasa 4: Memilih Strategi

Fasa 5: Mengimplementasi Strategi

Fasa 6: Mengawal Strategi

Bagi tujuan penulisan ini, dakwah strategik Musa as. kepada Firaun, diaplikasikan kaedah perancangan dan pengurusan strategik masa kini yang menggunakan analisis SWOT. SWOT adalah singkatan kepada S ialah *strong*/kekuatan, W ialah *weaknesses*/kelemahan, O ialah *opportunity*/peluang manakala T ialah *treat*/ancaman.

Kekuatan dan kelemahan adalah faktor dalaman nabi Musa as. manakala peluang dan ancaman adalah faktor luaran yang perlu diatasi untuk mencapai tujuan dakwah. Semua

maklumat ini disenaraikan sebelum suatu cadangan formulasi strategi dan pemilihan strategi dilakukan.

ANALISIS SWOT DALAM DAKWAH STRATEGIK NABI MUSA AS

1. Kekuatan/ (“Strenght”) Dakwah Nabi Musa as. (S)

Banyak ayat al-Quran yang menceritakan kekuatan nabi Musa as. yang boleh dijadikan panduan dan teladan.

- a. Berkata-kata langsung dengan Allah SWT. Kelebihan ini tidak diberikan kepada nabi-nabi lain kecuali nabi Muhamad SAW. semasa Israk Mikraj dan nabi Musa as. sahaja. Al-Quran, Taha 20:11-12. Maksudnya: “Maka ketika dia datang ke tempat api itu dia dipanggil: Hai Musa, Sesungguhnya Aku inilah Tuhanmu, maka tanggalkanlah kedua terompahmu; sesungguhnya kamu berada di lembah yang suci, Thuwa.”
- b. Dilantik menjadi Rasul, pelantikan ini diiktiraf sendiri oleh Allah SWT sebagaimana ayat al-Quran dalam surah Taha (20: 13): {وَأَنَا أَخْرُجُكَ فَاسْتَمِعْ لِمَا يُوحَى} yang mafhumnya: “Dan Aku telah memilih kamu, maka Dengarkanlah apa yang akan diwahyukan (kepadamu).”
- c. Mendapat Kitab Taurat sebagai panduan, tidak ramai Rasul yang mendapat wahyu dari Allah, Nabi Musa AS mendapat keistimewaan dipilih oleh Allah SWT untuk mendapatkan wahyu sebagaimana ayat al-Quran dalam surah al-Anbiya’ 21:48 {وَلَقَدْ أَتَيْنَا مُوسَى وَهَارُونَ الْفُرْقَانَ وَصِيَّاءً وَذِكْرًا لِلنَّذِيقَاتِ} yang mafhumnya: “Dan sesungguhnya telah Kami berikan kepada Musa dan Harun Kitab Taurat dan penerangan serta pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa.”
- d. Tongkat yang boleh bertukar menjadi ular. Antara mukjizat yang Allah kurniakan kepada Nabi Musa AS adalah tongkatnya boleh bertukar menjadi ular yang amat besar dan dapat menelan semua ular ahli sihir Firaun sebagaimana dinukilkan dalam al-Quran Al-Qasas 28:31: {وَأَنْ أُقْ عَصَاكَ فَلَمَّا رَأَاهَا تَهْرُثُ كَائِنًا جَانِ وَلَى مُبِيرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ} yang mafhumnya: “dan lemparkanlah tongkatmu. Maka tatkala (tongkat itu menjadi ular dan) Musa melihatnya bergerak-gerak seolah-olah ia seekor ular yang ganas, larilah dia berpusing ke belakang tanpa menoleh.”
- e. Musa as. diberikan mukjizat, tangannya mengeluarkan cahaya putih dan bila didekapkan ke dada, perasaan takut akan hilang, sebagai mana firman Allah dalam al-Quran al-Naml 27:12: {إِنَّكَ فِي جَيْبِكَ تَخْرُجُ بِيَضَاءٍ مِّنْ غَيْرِ سُوءٍ وَاضْطُمْ إِلَيْكَ جَنَاحَكَ مِنَ الرَّهْبِ} yang mafhumnya: “Masukkanlah tanganmu ke leher bajumu, nescaya ia keluar putih tidak bercacat bukan kerana penyakit, dan dekapanlah kedua tanganmu (ke dada) bila ketakutan, maka yang demikian itu adalah dua mukjizat dari Tuhanmu (yang akan kamu hadapkan kepada Firaun dan pembesar-pembesarnya). Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang fasik”.
- f. Mendapat pertolongan Allah SWT. sejak dilahirkan sebagaimana yang tercatat dalam al-Quran Surah al-Qasas 28:9: {وَقَالَتِ امْرَأُتُ فِرْعَوْنَ قُرْتُ عَيْنِ لِي وَلَكَ مُلَّا تَقْتُلُهُ عَسَى أَنْ يَنْفَعَنَا أُو.} yang mafhumnya, “Dan berkatalah isteri Firaun: ”(Dia) adalah

penyejuk mata hati bagiku dan bagimu. Janganlah kamu membunuhnya, mudah-mudahan ia bermanfaat kepada kita atau kita ambil ia menjadi anak, sedang mereka tiada menyedari.”

- g. Musa as. dibantu Allah swt dengan menurunkan tentera-Nya berbentuk taufan, belalang, kutu, katak, darah dan kilat yang menyambar, sebagaimana Firman Allah dalam al-Quran surah Al-A‘raf 7:133 {فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ الْطُّوفَانَ وَالْجَرَادَ وَالضَّفَادَعَ وَالدَّمَ آيَاتٍ مُّفَصَّلَاتٍ} yang mafhumnya, “Maka Kami kirimkan kepada mereka taufan, belalang, kutu, katak dan darah sebagai bukti yang jelas, tetapi mereka tetap menyombongkan diri dan mereka adalah kaum yang berdosa.”
- h. Musa as. dikurniakan Allah SWT. mempunyai kekuatan luar biasa. Ibn Kathir dalam Tafsir Ibn Kathir meriwayatkan kekuatan Musa as. menyamai 10 orang lelaki. Sebab itu dengan satu pukulan sahaja, musuhnya jatuh dan terus menghembuskan nafasnya yang terakhir. Begitu juga Musa as. menggunakan kekuatannya apabila membuka dan menutup semula penutup sumur ketika membantu anak Nabi Shuib AS memberi minum kepada binatang ternakan mereka di Madyan. Kematian seorang qibti turut direkodkan dalam al-Quran Al-Qasas (28:15) {فَاسْتَغْاثَهُ اللَّذِي مِنْ شَبِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ فَوَكَرَهُ مُوسَى فَقَضَى} yang mafhumnya: “Maka orang yang dari golongannya (bani Israel) meminta pertolongan kepadanya, untuk mengalahkan orang yang dari musuhnya lalu Musa memukulnya dan matilah musuhnya itu.”
- i. Allah SWT memuji Musa as. sebagai seorang yang unggul seperti mana firmannya dalam surah Taha 20:68-69 {فَلَمَّا لَا تَحْفَ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَى وَالْأَقْ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَى مَا صَنَعْتُمْ إِنَّمَا صَنَعُوا رَبُّكُمْ} yang mafhumnya: “Kami berkata: Janganlah kamu takut, sesungguhnya kamulah yang paling unggul (menang). Dan lemparkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia akan menelan apa yang mereka perbuat. Sesungguhnya apa yang mereka perbuat itu adalah tipu daya tukang sihir (belaka). Dan tidak akan menang tukang sihir itu, dari mana saja ia datang”.
- j. Dapat menghidupkan orang telah mati dengan izin Allah SWT sebagai mana firman Allah dalam surah al-Baqarah 2:73 {فَلَمَّا اضْرَبْتُ بِهِ بَعْضَهَا كَذَلِكَ يُخْبِي اللَّهُ الْمُؤْمِنَى وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ لَعْلَكُمْ تَعْقِلُونَ} yang mafhumnya: “Lalu Kami berfirman: Pukullah mayat itu dengan sebahagian anggota sapi betina itu! Demikianlah Allah menghidupkan kembali orang-orang yang telah mati dan memperlihatkan padamu tanda kekuasaan-Nya agar kamu mengerti.”
- k. Musa as. mendapat jaminan Allah SWT bahawa Dia sentiasa mendengar segala bantahan dan sanggahan yang dikatakan Firaun sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Qasas 28:16 {قَالَ كَلَّا فَإِذْهَا بِإِيمَانِنَا إِنَّا مَعْنَمُ مُسْتَمْعُونَ} maksudnya: “Allah berfirman: Jangan takut (mereka tidak akan dapat membunuhmu), maka pergilah kamu berdua dengan membawa ayat-ayat Kami (mukjizat-mukjizat); sesungguhnya Kami ada bersamamu mendengarkan (apa-apa yang mereka katakan).”
- l. Kekuatan Berdoa yang ada pada Musa AS sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Taha 20:25-32 {قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُنْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَقْهُوا قَوْلِي وَاجْعُلْ لِي وَزِيرًا مِنْ أَهْلِي هَارُونَ أَخِي اشْدُدْ بِهِ أَزْرِي وَأَسْرُكُهُ فِي أَمْرِي} Maksudnya: “Berkata Musa: Ya Tuhan, lapangkanlah dadaku, dan mudahkanlah urusanku dan lepaskanlah kekakuan dari lidahku, supaya mereka mengerti perkataanku dan jadikanlah untukku seorang pembantu dari keluargaku, (iaitu) Harun, saudaraku, teguhkanlah dengan dia kekuatanku, dan jadikanlah dia turut sama bertanggungjawab dalam urusanku.”

{فَقُلْ لَهُمْ قُوْلًا لَعْلَهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى قَالَا رَبَّنَا إِنَّا نَخَافُ أَنْ يُفْرَطَ عَلَيْنَا أَوْ أَنْ يَطْغَى قَالَ لَا تَخَافَا إِنَّنِي مَعْكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَى} Maksudnya: "Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut". Berkatalah mereka berdua: "Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami khuatir bahawa ia segera menyeksa kami atau akan bertambah melampaui batas". Allah berfirman: "Janganlah kamu berdua khuatir, sesungguhnya Aku berserta kamu berdua, Aku mendengar dan melihat" (Taha 20:44-46).

Pada ayat ini juga, Allah swt. mengajar Musa as. dan Harun as. jangan bercakap kasar dengan orang melampaui batas. Terutama apabila dakwah masih di peringkat awal. Pendakwah belum memahami dan mengerti apakah sebenar yang diperlukan oleh penerima dakwah. Adakah segala perbuatan buruk yang dilakukan disebabkan kejahilan atau terpaksa atau kerana sesuatu kepentingan keduniaan ataupun memang sengaja ingin menentang ajaran Allah swt. Walaupun dalam ilmu Allah SWT yang Maha Mengetahui bahawa Firaun tidak akan beriman, tetapi Allah SWT tetap mengajar nabi-Nya bertindak mengikut marhalah-marhalah dakwah yang betul. Sebab itu Allah SWT menyebut, "mudah-mudahan dia ingat atau takut"

Ayat ini juga menunjukkan bahawa sifat mendengar dan melihat adalah dua sifat lain selain mengetahui. **إِنَّنِي مَعْكُمَا** sesungguhnya Aku berserta kamu berdua, menunjukkan erti pengetahuan, manakala **أَسْمَعُ وَأَرَى** menunjukkan makna mendengar dan melihat (al-Zuhayli 2016).

Apabila Musa as. mula mengajak Firaun beriman kepada tuhan yang menjadikan alam ini, tuhan yang wajib disembah, inilah jawapan Firaun: Maksudnya: "Firaun menjawab: Bukankah kami telah mengasuhmu di antara (keluarga) kami, waktu kamu masih kanak-kanak dan kamu tinggal bersama kami beberapa tahun dari umurmu dan kamu telah berbuat suatu perbuatan yang telah kamu lakukan itu dan kamu termasuk golongan orang-orang yang tidak membalias budi. Berkata Musa: Aku telah melakukannya, sedang aku di waktu itu termasuk orang-orang yang khilaf. Lalu aku lari meninggalkan kamu ketika aku takut kepadamu, kemudian Tuhanmu memberikan kepadaku ilmu serta Dia menjadikanku salah seorang di antara rasul-rasul-Nya. Budi yang kamu limpahkan kepadaku itu adalah (disebabkan) kamu telah memperhambakan Bani Israel. Firaun bertanya: Siapa Tuhan semesta alam itu? Musa menjawab: Tuhan Pencipta langit dan bumi dan apa-apa yang di antara keduanya (Itulah Tuhanmu), jika kamu sekalian (orang-orang) mempercayai-Nya. Berkata Firaun kepada orang-orang sekelilingnya: Apakah kamu tidak mendengarkan? Musa berkata (pula): Tuhan kamu dan tuhan nenek-nenek moyang kamu yang dahulu. Firaun berkata: Sesungguhnya Rasulmu yang diutus kepada kamu sekalian benar-benar orang gila. Musa berkata: Tuhan yang menguasai timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya: (Itulah Tuhanmu) jika kamu mempergunakan akal. Firaun berkata: "Sungguh jika kamu menyembah Tuhan selain aku, benar-benar aku akan menjadikan kamu salah seorang yang dipenjarakan".

Di dalam surah Taha ayat 47, nabi Musa as. dan nabi Harun as. telah memulakan dakwah mereka dengan memperkenalkan diri sebagai seorang manusia yang dilantik sebagai utusan Allah SWT. **فَتَبَأَأَهُ فَقُولًا إِنَّا رَسُولًا رَبِّكُ.** Maka datanglah kamu berdua kepadanya (Fir'aun) dan katakanlah: "Sesungguhnya kami berdua adalah utusan Tuhanmu."

Pertama, Musa adalah anak yang dibesarkan dalam istana Firaun, tinggal di dalamnya bertahun-tahun, mengecapi segala kemewahan yang ada, tidur di dalam bilik yang memiliki katil-katil yang empuk, Musa yang sepatutnya dibunuh sejak ditemui di tepi sungai. Mengapa

Musa tidak pandai membala segala jasa yang telah dilakukan terhadapnya.? Perbuatan Musa ini dianggap satu perbuatan orang yang tidak membala budi.

Kedua, Musa telah membunuh seorang bangsa Qibti yang menjadi pengikut setia dan seorang pembuat roti Firaun. Musa dikatakan termasuk orang yang mengingkari nikmat. Perkara itu bukan sepatutnya sifat seorang lelaki yang membala jasa. Menurut Wahbah al-Zuhayli, peristiwa pembunuhan seorang Qibti yang dilakukan Musa merupakan pada saat remaja sebelum kenabian dengan dalil، dan peristiwa itu terjadi kerana kesalahan yang tidak disengajakan dan tidak menyangka boleh menyebabkan kematian. Manakala dalam firman Allah SWT. وَتَأْكُلْ نِعْمَةً ثَمَنُهَا عَلَيَّ أَنْ عَبَدْتَ بَنِي إِسْرَائِيلَ mempunyai erti yang berbeza dan faedahnya. Al-Suddi dan al-Tabrani serta al-Farra' mengatakan perkataan ini berasal dari Musa sebagai pengakuan terhadap nikmat, seakan-akan beliau berkata, "benar!, pengasuhanmu adalah suatu nikmat bagiku di mana kamu telah memperhamba orang ramai tetapi itu bukan alasan menolak risalah yang aku bawa" Manakala al-Dahhak mengatakan perkataan itu merupakan celaan keras, sedangkan celaan keras biasanya disertai dengan *istifham* atau tidak disertainya. Maknanya, jika kamu tidak membunuh bani Israel nescaya kedua ibubapakulah memelihara dan mengasuh aku, jadi nikmat mana yang kamu beri kepadaku! (al-Zuhayli 2016)

Musa as. mengatakan tuhan itu Maha Kuasa, meliputi langit dan bumi dan dia bersemayam di langit. Mendengar kata-kata itu, Firman mengeluarkan arahan membina bangunan yang tinggi supaya dia dapat melihat tuhan Musa (al-Zuhayli 2016). Firaun dan tenteranya terus sompong hingga akhirnya Allah SWT hinakan mereka tenggelam dalam lautan, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Qasas 28:39-40:

وَاسْتَكْبَرَ هُوَ وَجُلُودُهُ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَظَلَّوْا أَلَّهُمْ إِلَيْنَا لَا يُرْجَعُونَ فَأَخْذَنَاهُ وَجْهُوَهُ فَنَبَذَنَاهُمْ فِي الْبَحْرِ فَانظُرْ كُفَّارَ كَانَ عَاقِبَةُ الطَّالِمِينَ

Maksudnya: "Dan berlaku angkuhlah Firaun dan bala tenteranya di bumi (Mesir) tanpa alasan yang benar dan mereka menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami. Maka Kami hukumlah Firaun dan bala tenteranya, lalu Kami lemparkan mereka ke dalam laut. Maka lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim."

{فَلَمَّا جَاءَ السَّحَرَةُ قَالُوا لِفَرْعَوْنَ أَئْنَ لَنَا لِأَجْرٍ إِنْ كُنَّا نَحْنُ الْغَالِبُونَ قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ إِذَا لَمْنَ المُفْرَّيْنَ}

Maksud: "Maka tatkala ahli-ahli sihir datang, mereka pun bertanya kepada Firaun: Apakah kami sungguh-sungguh mendapat upah yang besar jika kami adalah orang-orang yang menang? Firaun menjawab: Ya, kalau demikian, sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan menjadi orang yang didekatkan (kepadaku)." (al-Syu'ra 26:41-42)

2. Kelemahan/ "Weakness" nabi Musa as. (W)

- Dadanya berdebar bimbang tidak tertunai amanah yang begitu besar. {وَيَضِيقُ صَدْرِي} Maksudnya:"Sehingga dadaku terasa sempit" As-Syu'ara 26:13

- b. Lidah baginda yang kurang lancar. {وَلَا يُنْطِلِقُ لِسَانِي} Maksudnya: “Dan lidahku tidak lancar” As-Syu’ara 26:14.
- c. Pernah membunuh kakitangan Firaun (Qibti) sebelum dilantik menjadi Rasul. {وَلَهُمْ عَلَيْ مَا فَعَلُوا} Maksudnya: “Dan aku berdosa terhadap mereka, maka aku takut mereka akan membunuhku.” al-Syu’ara 26:14

Menurut tafsir Ibn Kathir, ini menjadi sebab utama permohonan Musa as. agar dihilangkan Allah SWT. kesempitan dadanya dan lidah yang kurang lancar serta kebimbangan atas kesalahan menyebabkan kematian Qibti (Ibn Kathir 2008). {فَالَّذِي قَاتَلُوكُمْ إِذَا وَأَنَا مِنَ الصَّالِحِينَ} Maksudnya: “Berkata Musa: Aku telah melakukannya, sedang aku di waktu itu termasuk orang-orang yang khilaf.” (As-Syu’ara 26:20). Perkara ini berlaku ketika nabi Musa as. belum mendapat wahyu, belum mendapat risalah dan lantikan kerasulan.

3. Peluang/ “*Opportunity*” yang ada (O)

- a. Firaun sedia berjumpa dengan Musa as. dan Harun as. Maksudnya: “Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka Musa dengan (membawa bukti-bukti) keterangan-keterangan yang nyata. Akan tetapi mereka berlaku sombong di (muka) bumi dan tiadalah mereka orang-orang yang luput (dari kehancuran itu).”
- b. Firaun mengumpulkan semua ahli sihir dalam negara, حَاسِرِينَ بِأَثُورٍ كُلِّ سَاحِرٍ عَلَيْهِ مaksudnya: “Mereka menjawab: Tundalah (urus) dia dan saudaranya dan kirimkanlah ke seluruh negeri orang-orang yang akan mengumpulkan (ahli sihir), nescaya mereka akan mendatangkan semua ahli sihir yang pandai kepadamu”.

4. Ancaman/ “*Treat*” Musuh (T)

- a. Firaun memerintah secara sewenang-wenang, menindas golongan lemah, في الأرض وَجَعَلَ أَهْلَهَا شَيْئًا يَسْتُضْعِفُ طَائِفَةً مِنْهُمْ يُتَحَبُّ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتُخْرِي نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ Maksudnya: “Sesungguhnya Firaun telah berbuat sewenang-wenangnya di muka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah belah, dengan menindas segolongan dari mereka, menyembelih anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan. Sesungguhnya Firaun termasuk orang-orang yang melakukan kerosakan.”
- b. Seorang raja yang zalim, sanggup membunuh sesiapa saja yang menghalang kehendaknya. {ذُرُونِي أَفْلَمْ مُوسَى وَلَيَدْعُ رَبَّهُ} Maksudnya: “Biarkanlah aku membunuh Musa dan hendaklah (biarkan) dia memohon kepada Tuhannya (Mukmin 40:26).”
- c. Firaun yang mengaku membawa kebaikan kepada kaumnya dan menjaga agama mereka. {إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَنْ يُظْهِرَ فِي الْأَرْضِ الْفَسَادَ} Maksudnya: “kerana sesungguhnya aku khuatir dia akan menukar agamamu atau menimbulkan kerosakan di muka bumi.” (Mukmin 40:26)
- d. Firaun pernah memelihara Musa as. dari kecil hingga besar di dalam istananya sendiri. {قَالَ أَلَمْ تُرَبِّكَ فِينَا وَلَيْدًا وَلَيْتَ فِينَا مِنْ عُمْرِكَ سِنِينَ} Maksudnya: “Firaun menjawab:

- Bukankah kami telah mengasuhmu di dalam (keluarga) kami, waktu kamu masih kanak-kanak dan kamu tinggal bersama kami beberapa tahun dari umurmu.” al-Syu’ara 26:18
- e. Firaun mempunyai pembantu-pembantu yang melaksanakan segala arahannya. Menggunakan ahli sihir seluruh negara menentang Musa as. Maksudnya: “Firaun berkata kepada pembesar-pembesar yang berada sekelilingnya: Sesungguhnya Musa ini benar-benar seorang ahli sihir yang pandai.” Al-Quran, al-Syu’ara 26:34

Secara ringkasnya senarai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang diterima nabi Musa as. adalah seperti berikut:

- S1 Berkata-kata langsung dengan Allah SWT.
- S2 Musa as. dilantik menjadi Rasul
- S3 Mendapat Kitab Taurat sebagai panduan
- S4 Tongkat Musa as. bertukar menjadi ular.
- S5 Musa AS diberikan mukjizat, tangannya mengeluarkan cahaya putih dan bila didekapkan ke dada, perasaan takut akan hilang.
- S6 Mendapat pertolongan Allah SWT sejak dilahirkan.
- S7 Musa as. dibantu Allah SWT dengan menurunkan tentera-Nya berbentuk taufan, belalang, kutu, katak, darah dan kilat yang menyambar.
- S8 Musa as. dikurniakan Allah SWT mempunyai kekuatan luar biasa.
- S9 Allah SWT memuji Musa as. sebagai seorang yang unggul
- S10 Dapat menghidupkan orang telah mati dengan izin Allah SWT.
- S11 Musa as. mendapat jaminan Allah SWT bahawa Dia sentiasa mendengar segala bantahan dan sanggahan yang dikatakan Firaun.
- S12 Kekuatan Berdoa yang ada pada Musa as.
- W1 Dadanya berdebar bimbang tidak tertunai amanah yang begitu besar.
- W2 Lidah baginda yang kurang lancar
- W3 Pernah membunuh kakitangan Firaun (Qibti) sebelum dilantik menjadi Rasul
- O1 Firaun sedia berjumpa dengan Musa AS dan Harun AS.
- O2 Firaun mengumpulkan semua ahli sihir dalam negara
- T1 Firaun memerintah secara sewenang-wenang, menindas golongan lemah
- T2 Seorang raja yang zalim, sanggup membunuh sesiapa saja yang menghalang kehendaknya.
- T3 Firaun mengaku membawa kebaikan kepada kaumnya dan menjaga agama mereka.
- T4 Firaun pernah memelihara Musa as. dari kecil hingga besar di dalam istananya sendiri.
- T5 Firaun mempunyai pembantu-pembantu yang melaksanakan segala arahannya. Menggunakan ahli sihir seluruh negara menentang Musa AS.

PENJANAAN SWOT DAKWAH STRATEGIK MUSA AS

Perkara Luaran) (Dalaman)	Peluang (O) O1 O2	Ancaman (T)				
		T1	T2	T3	T4	T5
Kekuatan (S)						
S1	S1O1 S1O2	S1T1	S1T2	S1T3	S1T4	S1T5
S2	S2O1 S2O2	S2T1	S2T2	S2T3	S2T4	S2T5
S3	S3O1 S3O2	S3T1	S3T2	S3T3	S3T4	S3T5
S4	S4O1 S4O2	S4T1	S4T2	S4T3	S4T4	S4T5
S5	S5O1 S5O2	S5T1	S5T2	S5T3	S5T4	S5T5
S6	S6O1 S6O2	S6T1	S6T2	S6T3	S6T4	S6T5
S7	S7O1 S7O2	S7T1	S7T2	S7T3	S7T4	S7T5
S8	S8O1 S8O2	S8T1	S8T2	S8T3	S8T4	S8T5
S9	S9O1 S9O2	S9T1	S9T2	S9T3	S9T4	S9T5
S10	S10O1 S10O2	S10T1	S10T2	S10T3	S10T4	S10T5
S11	S11O1 S11O2	S11T1	S11T2	S11T3	S11T4	S11T5
S12	S12O1 S12O2	S12T1	S12T2	S12T3	S12T4	S12T
Kelemahan (W) (Dalaman)						
W1	W1O1 W1O2	W1T1	W1T2	W1T3	W1T4	W1T5
W2	W2O1 W1O2	W2T1	W2T2	W2T3	W2T4	W2T5
W3	W3O1 W1O2	W3T1	W3T2	W3T3	W3T4	W3T5

FORMULASI DAN PEMILIHAN STRATEGI

- T1 Firaun memerintah secara sewenang-wenang, menindas golongan lemah
- T2 Seorang raja yang zalim, sanggup membunuh sesiapa saja yang menghalang kehendaknya. Mengejar Musa as. dan pengikutnya hingga ke tepi lautan yang luas.
- T3 Firaun yang mengaku membawa kebaikan kepada kaumnya dan menjaga agama mereka.
- T4 Firaun pernah memelihara Musa as. dari kecil hingga besar di dalam istananya sendiri.
- T5 Firaun mempunyai pembantu-pembantu (para pembesar dan ahli sihir) yang melaksanakan segala arahannya.

Bagi mengatasi ancaman-ancaman T1, T2, T5 dan kelemahan-kelemahan W1 dan W2, Musa as. telah menggunakan kekuatan yang dianugerahkan Allah SWT kepada baginda.

- S4 (Tongkat yang dapat bertukar menjadi ular dan membelah lautan), S6 (Mendapat pertolongan Allah SWT sejak dilahirkan). S11 (Musa as. mendapat jaminan Allah SWT bahawa Dia sentiasa mendengar segala bantahan dan sanggahan yang dikatakan Firaun) dan S12 (Kekuatan Berdoa yang ada pada Musa as.).

Strategi pertama yang digunakan nabi Musa as. ialah menggunakan kelebihan doa yang dikabulkan Allah SWT. Nabi Musa as. berdoa kepada Allah SWT agar diberi kelancaran lidahnya berkata-kata di hadapan Firaun dan dikurniakan Harun as. sebagai pembantu dalam

urusan dakwah. Memukul tongkatnya hingga akhirnya lautan terbelah menjadi laluan untuk menyelamatkan diri. Semua permohonan ini dikabulkan Allah SWT. Hubungan pendakwah dengan Allah SWT mestilah sentiasa dijaga agar segala permohonan dikabulkan Allah SWT.

Strategi kedua yang digunakan untuk mengatasi T5 (Firaun menggunakan ahli sihir untuk menegakkan kebatilannya) ialah menggunakan S4 (Tongkat Musa as. bertukar menjadi ular) dan S11 (Musa as. mendapat jaminan Allah SWT bahawa Dia sentiasa mendengar segala bantahan dan sanggahan yang dikatakan Firaun). Allah SWT Maha Mengetahui keadaan yang sedang dihadapi Musa as., memerintahkan Musa as. mencampakkan tongkatnya ke arah ular-ular ahli sihir. Tongkat Musa as. telah bertukar menjadi ular besar yang menelan semua ular-ular ahli sihir. Semua ahli sihir akhirnya beriman kepada Musa as. dan tuhan Musa as. Seperti mana surah Taha ayat 72-76. Strategi ini boleh diguna pada masa kini iaitu pendakwah mesti berusaha mempunyai ilmu lebih tinggi mengatasi ilmu pemerintah yang diseru.

Strategi ketiga: Nabi Musa as. berhadapan dengan ancaman Firaun T3 (Firaun yang mengaku membawa kebaikan kepada kaumnya dan menjaga agama mereka), T4 Firaun pernah memeliha Musa as. dari kecil hingga besar di dalam istananya sendiri, W1 (Dadanya berdebar bimbang tidak tertunai amanah yang begitu besar) dan W2 (Lidah baginda yang kurang lancar) Menggunakan kekuatan S11 Musa as. mendapat jaminan Allah SWT bahawa Dia sentiasa mendengar segala bantahan dan sanggahan yang dikatakan Firaun. S12 Kekuatan Berdoa yang ada pada Musa as. S6 Mendapat pertolongan Allah SWT sejak dilahirkan. Musa as. bermunajat kepada Allah SWT sepertimana firman Allah SWT dalam surah Taha 20, ayat 25-28. Setelah berdoa, Allah SWT kurniakan kelapangan dada dan Musa as. menjawab dengar lancar sepertimana dalam surah Asy-Syu'ara' 26:20-23.

KESIMPULAN

Kajian dakwah strategik kepada pemerintah, analisis SWOT dakwah nabi Musa as. merupakan satu kajian yang sangat bermakna dalam dakwah masa kini. Segala permasalahan yang dihadapi oleh nabi Musa AS dalam berdakwah dapat di atasi dengan sangat baik. Semua persoalan kajian telah diuraikan dengan jelas dan mencapai objektif-objektif yang digariskan. Dakwah yang telah dirancang dengan rapi. Pentarbiyan *dae'i*, ilmu yang dimiliki, dikuasai, kekuatan dalaman dan luaran organisasi, kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki atau diminimumkan, mengenali kekuatan dan ancaman musuh yang perlu diatasi. Dengan segala persediaan yang telah dilakukan Musa as., baginda telah berdakwah kepada Firaun dengan menggunakan beberapa strategi. Strategi-strategi ini sangat bertepatan dengan keadaan dan suasana pemerintah masa tersebut. Dengan dakwah strategik tersebut akhirnya ahli-ahli sihir beriman kepada Allah SWT, semua pengikut Musa as. dapat menyelamatkan akidah masing-masing dan akhirnya mendapat pertolongan Allah SWT.

RUJUKAN

- Abu Khalil, Shawqi. 2006. *Atlas al-Quran*. Terj. Jakarta Timur: Almahira.
- Hamka. 1983. *Tafsir al-Azhar*. Jakarta Pustaka Panjimas.
- <http://www.businessdictionary.com/definition/strategic.html> diakses pada 20/1/2020
- <https://sumber-kearifan.blogspot.com/2014/02/sejarah-asal-usul-model-analisis-swot.html>
diakses pada 15/2/2021
- Ibn Kathir, Isma'il. 2008. *Tafsir Ibnu Kathir*, Terjemahan, Abdullah Muhamad. Jakarta: Pustaka Imam Syafii.
- Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia*. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maziah Che Yusof. 2002. Pendekatan Strategik Pengurusan Sumber Manusia, *Jurnal Pengurusan Awam*. 1(2): 66-73.
- Waite, M. & Hawker, S. 2009. *Oxford Paperback Dictionary & Thesaurus*. Third Edition. New Yord: Oxford University Press.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2016. *Tafsir Al-Munir* Jil. 8. Jakarta: Gema Insani.